

BULETIN UTHM

Bil.1 Januari 2025 | ISSN 2232-0415



**Johor Business School dan Akademi JCS
ganding bahu realisasi agenda
'Maju Johor, Rakyat Sejahtera'**



**Global Technopreneur
University 2030**

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 Johor Business School dan Akademi JCS ganding bahu realisasi agenda 'Maju Johor, Rakyat Sejahtera'
- 3 UTHM dan ATSC jalin kerjasama bantu negara hasilkan komponen pesawat
- 5 FAST UTHM jalin kerjasama dengan tiga industri, perkasa bidang penyelidikan dan program Work-Based Learning
- 7 Citra Kokurikulum 2024 tingkatkan kemahiran insaniah pelajar
- 9 FEEDER 2025 pameran hasil kreativiti pelajar UTHM
- 11 MyRIVET anjur kursus, bantu negara lahirkan pelajar Tahfiz TVET
- 12 Penubuhan Kelab Friends of PTTA, UTHM tingkat peranan perpustakaan sebagai hab komuniti dan inovasi
- 14 Ziarah Santun PTA 5.0 prihatin kebajikan dan kesejahteraan pelajar tanpa asrama
- 16 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

WARTAWAN / PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



Johor Business School dan Akademi JCS ganding bahu realisasi agenda 'Maju Johor, Rakyat Sejahtera'



BATU PAHAT - Dalam usaha memacu pembangunan modal insan yang dinamik, Johor Business School (JBS) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor melalui Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor (Akademi JCS) telah menjalinkan kerjasama strategik bagi memberi tumpuan kepada transformasi latihan dan pembangunan kepimpinan.

Menurut Dekan JBS, Profesor Dr. Abd Rahman Ahmad, JBS dan Akademi JCS telah melancarkan dua program inovatif bagi meningkatkan tadbir urus korporat dan pembangunan kepimpinan di Johor.

Program pertama, *Corporate Governance 101* (CG101) merupakan kursus profesional yang dibangunkan khusus untuk pegawai JCS dan eksekutif syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di negeri ini.

Program itu menggunakan pendekatan pembelajaran holistik yang mengintegrasikan teori dan praktikal, memberikan peserta pemahaman mendalam tentang prinsip asas tadbir urus korporat serta kaitannya dalam konteks semasa.

"Modul-modul yang dirancang secara strategik merangkumi elemen-elemen penting seperti etika kepimpinan, pengurusan risiko, kawalan dalaman dan kebertanggungjawaban korporat.

"Kandungan program juga direka dengan teliti bagi memastikan setiap peserta mempunyai kompetensi untuk menghadapi cabaran industri korporat dengan yakin dan profesional.

"Manakala bagi memperkemaskan lagi penyampaian modul, sinergi antara akademia dan industri disuntik dalam pelaksanaan program CG 101 ini," katanya.

Sementara itu, Kursus Peningkatan Profesionalisme Institusi Pemimpin Kampung dan Masyarakat Negeri Johor pula merupakan inisiatif kedua yang direalisasikan melalui kerjasama erat antara Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Akademi JCS dan JBS.

Program itu bukan sekadar berbentuk latihan konvensional, tetapi sebuah platform holistik yang dirancang bagi memperkasa kepimpinan komuniti

dengan pendedahan kepada kemahiran komunikasi berkesan, pengurusan konflik, perancangan strategik komuniti dan pemahaman mendalam terhadap dasar-dasar kerajaan.

“Inisiatif ini mencerminkan komitmen kukuh JBS dalam membangunkan modal insan dan menggilap potensi kepimpinan di peringkat korporat serta komuniti, menjadikannya sebagai pemangkin transformasi berimpak tinggi yang mampu menyumbang kepada pembangunan mampan negeri Johor,” tambah Prof. Rahman.

Inisiatif yang berimpak tinggi itu membuktikan kesungguhan JBS dan Akademi JCS dalam melahirkan pemimpin berdaya saing dan berwawasan, serta bersedia menggalas cabaran untuk membawa Johor ke era kegemilangan baharu.

Untuk rekod, dalam tempoh kurang dua tahun penubuhan JBS, institusi ini telah mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di Johor.

JBS menawarkan ekosistem pembelajaran yang berinovasi dan relevan dengan tuntutan industri semasa.

Kerjasama strategik JBS dengan sektor industri telah melahirkan graduan berkualiti tinggi, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri ini.

Pelbagai program dirancang khusus untuk memenuhi keperluan pelbagai kumpulan sasaran, termasuk ahli politik yang perlu memahami dasar secara mendalam dan strategik, usahawan yang dituntut untuk berdaya saing serta berinovasi dalam

menghadapi persekitaran perniagaan yang dinamik, penjawat awam yang ditugaskan untuk mengekalkan integriti dan profesionalisme dalam melaksanakan tanggungjawab, serta ketua masyarakat yang harus peka terhadap keperluan komuniti bagi membentuk masyarakat yang resilien.

Semua elemen tersebut diharmonikan bagi mewujudkan ekosistem kepimpinan Bangsa Johor yang cemerlang dan berdaya tahan.

Sokongan padu daripada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor yang juga Canselor UTHM terhadap usaha-usaha tersebut telah memberi inspirasi kepada semua pihak yang terlibat.

Baginda melihat kerjasama strategik ini sebagai langkah penting dalam merealisasikan visi “Maju Johor, Rakyat Sejahtera” demi memastikan kesejahteraan setiap lapisan Bangsa Johor.

Dengan adanya kerjasama strategik bersama pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa, JBS akan memperluaskan skop program latihan dan pembangunan, sekali gus memberi manfaat lebih besar kepada komuniti di seluruh Johor.

“Ia sejajar dengan hasrat Naib Canselor UTHM, Prof. Dato’ Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim yang ingin menjadikan universiti sebagai pemangkin kepada pembentukan ekosistem kepimpinan.

“Dengan sokongan padu semua pemegang taruh, JBS akan lebih agresif dalam merealisasikan agenda pembangunan negeri,” kata Prof. Rahman.





UTHM dan ATSC jalin kerjasama bantu negara hasilkan komponen pesawat

JERTEH – Bagi meneruskan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan inovasi komponen pesawat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Aerospace Technology Systems Corp Sdn Bhd (ATSC) telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) bertempat di Pangkalan Udara Gong Kedak pada 21 Januari 2025 lalu.

UTHM telah diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, manakala ATSC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Lt. Kol. Dato' Haji Mohd Fadzar Haji Suhada TUDM (Bersara).

MoU yang diadakan bersempena dengan majlis penyerahan pesawat Su-30MKM, M52-01 oleh ATSC kepada pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi 10 tahun Service Life Extension Program (SLEP) itu turut disaksikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pertahanan Malaysia.

MoU itu merupakan kesinambungan kerjasama UTHM dengan ATSC melalui projek-projek konsultasi yang telah dilakukan sebelum ini.

Menurut ketua projek, Ir. Dr. Jamiluddin Jaafar yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), projek-projek

konsultasi sebelum ini melibatkan analisis perincian bahan yang digunakan oleh pihak Rusia terhadap komponen-komponen Su-30 MKM.

Dengan pengetahuan dan kepakaran dari universiti, penentuan bahan alternatif dari blok barat telah dijalankan bagi menggantikan bahan asal dari negara Rusia tersebut.

"Inisiatif ini diambil bagi mengatasi kekangan yang dihadapi oleh pihak ATSC dan TUDM mendapatkan alat-alat ganti tersebut, selain kesan daripada konflik yang sedang berlaku di rantau Rusia pada ketika ini.

"Selepas pemilihan bahan dijalankan, aktiviti seterusnya melibatkan pengukuran semula komponen-komponen, pembangunan lukisan kejuruteraan komponen, analisis kekuatan bahan dan komponen serta fabrikasi kembali komponen tersebut," jelas beliau.

Beberapa komponen telah berjaya dihasilkan dan kini sedang menunggu kelulusan oleh TUDM untuk diguna pakai pada Su-30MKM, antaranya *Nose Landing Gear Buckle No.16, Bracket for Tank No. 1, Bracket for Tank No. 2* dan perincian bahan untuk *Static Discharger*.

Beberapa projek konsultasi juga sedang berjalan untuk komponen Su-30MKM seperti Rib 1 dan Rib 2, dengan harapan dapat menjurus kepada pengurangan kebergantungan ATSC dan TUDM terhadap negara luar.


Tambah Dr. Jamiluddin, MoU yang ditandatangani itu akan merancakkan lagi kerja-kerja konsultasi sedia ada yang merangkumi skop dan keistimewaan kepada kedua-dua belah pihak dalam bidang seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta fabrikasi bagi kerja berkaitan komponen mekanikal dan struktur pesawat Su-30MKM, pemodenan pesawat Su-30MKM dan pengurusan komponen usang (obsolescence issue) pesawat Su-30MKM.

"Selain itu, MoU ini juga memberi akses kepada UTHM terhadap harta intelek untuk empat produk yang telah berjaya dihasilkan untuk digunakan pada

pesawat Su-30MKM dan juga beberapa produk yang masih di peringkat pembangunan.

"MoU ini juga melibatkan pembangunan modal insan bagi penyelidik dan jurutera ATSC dalam mengikuti pengajian tinggi di peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran dalam pelbagai bidang pengajian," katanya.

Hadir sama ke MoU itu, Tan Sri Ahmad Johan, Pengerusi National Aerospace & Defence Industries (NADI); Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan Goriman Khan, Panglima Tentera Udara, (TUDM); Prof. Ts. Dr. Amir Khalid, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP); wakil staf FKMP dan wakil Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC), UTHM.





FAST UTHM jalin kerjasama dengan tiga industri, perkasa bidang penyelidikan dan program Work-Based Learning

PAGOH, 13 Jan 2025 - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) telah menjalin kerjasama strategik bersama tiga industri iaitu PMA Rich (M) Sdn. Bhd., Eurofins NM Laboratory Sdn. Bhd., dan Pentas Flora bagi merancakkan lagi bidang penyelidikan berimpak tinggi serta memperkasakan program Work-Based Learning (WBL).

PMA Rich melalui jenama ikoniknya Mokti's, mempelopori pembangunan usahawan halal dan inovasi dalam industri pemprosesan makanan (aiskrim gula apong), manakala Eurofins NM Laboratory komited terhadap analisis saintifik dalam keselamatan serta kesihatan pekerjaan.

Pentas Flora pula tampil sebagai peneraju dalam pengurusan sisa mampan, yang menyumbang ke arah kelestarian alam sekitar.

Sebagai permulaan, UTHM telah mengadakan satu majlis ringkas pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai simbolik kerjasama pada 13 Januari 2024 lalu bertempat di UTHM Kampus Cawangan Pagoh.

Pertukaran dokumen tersebut diwakili Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim bersama Dekan FAST, Prof. Madya Ts. Chm. Dr. Hatijah Basri.

Hadir sama, Prof. Madya Ts. Dr. Jumadi bin Abdul Sukor, Dekan Fakulti Kejuruteraan (FTK) dan Dr. Muhammad Faizal bin Ismail, Dekan Pusat Pengajian Diploma (PPD).

UTHM menjalinkan kerjasama bersama tiga industri tersebut setelah FAST menawarkan program Sarjana Muda Sains (Kimia Industri) dengan Kepujian dan Sarjana Muda Sains (Analitik Data Komputasi) dengan Kepujian, yang dirangka menerusi pendekatan mod industri berasaskan konsep WBL.

Dua program tersebut mencerminkan visi futuristik universiti dalam melahirkan graduan yang dilengkapi bukan sahaja dengan asas teori yang kukuh tetapi juga pengalaman praktikal yang relevan dengan keperluan industri masa kini.

Melalui program itu, pelajar akan menjalani latihan industri berstruktur selama satu tahun penuh di organisasi terpilih bagi memberikan mereka peluang eksklusif dalam mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di kampus kepada situasi sebenar di persekitaran profesional.

Menurut Dr. Hatijah, melalui pendekatan WBL, pelajar akan memperoleh pengalaman holistik bagi memperkasakan kebolehpasaran mereka, membina rangkaian profesional strategik, serta meningkatkan daya saing dalam landskap pekerjaan yang dinamik dan mencabar.

Tambah beliau, program Sarjana Muda Sains (Kimia Industri) dengan Kepujian memberi tumpuan kepada penerapan teknologi dan inovasi dalam sektor perindustrian kimia, manakala Sarjana Muda Sains (Analitik Data Komputasi) dengan Kepujian menonjolkan peranan teknologi analitik dan pengurusan data besar dalam menghadapi cabaran era digital.

"Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan mempersiapkan pelajar dengan kemahiran teknikal dan profesional yang unggul, tetapi juga memupuk daya kreativiti dan pemikiran kritikal yang diperlukan untuk meneroka horizon baharu teknologi dan inovasi.

"Dengan program yang dirangka rapi dan kolaborasi strategik bersama industri, WBL FAST menjadi platform transformasi bagi mencorakkan masa depan graduan yang cemerlang dan mampan.

"Kerjasama bersama tiga industri ini dijangka mampu membuka peluang baharu kepada pelajar untuk mengadaptasi teknologi terkini dan kemahiran profesional dalam persekitaran kerja sebenar," katanya.

Turut diadakan, sesi *Industrial Talk* yang melibatkan penyertaan lebih 200 pelajar.

Sesi tersebut dijayakan oleh tiga penceramah berpengalaman iaitu Mohd Saiful Haq Khider dari PMA Rich yang berkongsi inspirasi melalui tajuk "*Mokti's Journey: From Local Startup to Franchise Success – Product and Business Growth*," manakala Soo Wei Lun dari Pentas Flora membincangkan isu kritikal berkaitan "*Waste Management and a Sustainable Malaysia*" dan Nurulizan Elfikrie dari Eurofins NM Laboratory mengetengahkan pendekatan saintifik melalui "*Chemical Health Risk and Mitigation Strategies*."

Sesi itu memberi dimensi baharu kepada para pelajar menyelami cabaran dunia sebenar, memahami pendekatan praktikal dalam penyelesaian masalah, serta memupuk kesedaran terhadap kelestarian dan keberhasilan industri.





Citra Kokurikulum 2024 tingkatan kemahiran insaniah pelajar

BATU PAHAT – Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan Citra Kokurikulum 2024 melibatkan penyertaan pelajar yang mengambil kursus kokurikulum bercredit pada semester ini pada Disember 2024 lalu dan berakhir pada 11 Januari 2025.

Dengan tema “Insaniah Cemerlang Jiwa Gemilang,” penganjuran Citra Kokurikulum 2024 bertujuan meningkatkan kemahiran insaniah pelajar dengan memberi tumpuan kepada pembangunan bakat dan kreativiti mereka.

Citra Kokurikulum 2024 yang berlangsung pada 13 dan 14 Disember 2024 di UTHM Kampus Cawangan Pagoh dan 3 hingga 11 Januari 2025 di kampus induk itu melibatkan penganjuran 11 program dari pelbagai teras kokurikulum.

Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti telah dianjurkan seperti Sukan Citra Pagoh, *Plogging*, Karnival IGNITE Citra, Sukan Rakyat, Malam Citra Budaya, Bazaar Malam Citra, *Trail Blaze*, *The Great Campus Dash*, Pertandingan Kawad Kaki dan Pameran Citra.

Sementara itu, Majlis Penutup Citra Kokurikulum 2024 pula telah diadakan pada 11 Januari lalu di Dewan

Sultan Ibrahim, kampus induk dan disempurnakan oleh Dato’ Sri Ibrahim Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.

Dato’ Sri Ibrahim dalam ucapannya turut merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada jawatankuasa program yang diketuai oleh Pengarah Citra Kokurikulum 2024, Melissa Serafina Anak Bujang.

Beliau turut mengingatkan pelajar untuk melengkapi diri dengan sijil kompetensi dalam bidang masing-masing sebagai persediaan untuk bersaing di alam kerja.

“Sijil ini dapat memberi peluang kepada anda semua untuk bekerja di peringkat global, selain dapat meningkatkan ciri-ciri profesional seorang pelajar.

“Saya juga berharap penerapan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar bersesuaian dengan hasrat universiti ke arah *Global Technopreneur University 2030* (#GTU2030),” katanya.

Hadir sama, Prof. Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Sementara itu, pengarah program dalam ucapannya berterima kasih kepada pihak PPUK, terutamanya Unit Kokurikulum Berkredit (UKB) kerana memberi peluang kepadanya melaksanakan program itu.

“Saya yakin penganjuran program seumpama ini dapat meningkatkan lagi aspek kemahiran insaniah pelajar, selari dengan hasrat universiti dalam melahirkan modal insan yang holistik dalam segenap bidang.

“Penglibatan keseluruhan pelajar KKB diharap dapat membentuk jati diri yang unggul, sekali gus memberi keseimbangan dalam segenap aspek kehidupan sama ada dari segi intelek, emosi, rohani dan sosial,” katanya.

Majlis itu turut memberi penganugerahan kepada pengajar kursus kokurikulum berkredit atas

komitmen dan dedikasi yang diberikan sepanjang semester berlangsung.

Antara anugerah yang diberikan adalah Pengajar Terbaik, Pengajar Harapan, Pengajar Program Terbaik (SEP, Kerja Lapangan, Latihan Intensif), Anugerah Penghargaan Staf Kokurikulum dan Penghargaan Jasa Bakti Kokurikulum.

Majlis tersebut juga menyaksikan penyampaian hadiah bagi johan keseluruhan program Sukan Rakyat Citra, Pertandingan Kawad Kaki dan Malam Budaya Citra.

PPUK berharap pelaksanaan program sebegitu dapat menerapkan nilai-nilai yang murni selain dapat membimbing pelajar menjadi seorang yang seimbang dalam segenap aspek, sama ada akademik mahupun kokurikulum.





FEEDER 2025 pameran hasil kreativiti pelajar UTHM

PAGOH - Bagi memberi peluang kepada pelajar mempamerkan hasil kreativiti mereka, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan program "Furniture Exhibition Empowering Eco-Conscious Design and Responsible Consumption" (FEEDER) 2025 pada 13 dan 14 Januari 2025 lalu bertempat di Kolej Kediaman Kampus Pagoh.

Pameran itu memberi peluang kepada pelajar mempamerkan 21 hasil kerja Projek Sarjana Muda (PSM) pelajar tahun akhir daripada program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (Reka Bentuk dan Pembuatan Perabot), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP).

Program itu bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk mempersembahkan hasil kreativiti mereka, tetapi juga menjadi platform untuk mempromosikan bidang reka bentuk dan pembuatan perabot kepada industri berkaitan.

Secara tidak langsung, ia turut membantu menarik minat pelajar lepasan diploma, STPM dan Matrikulasi untuk memilih UTHM sebagai destinasi pengajian dalam bidang teknologi dan reka bentuk perabot.

Pameran FEEDER 2025 mencerminkan komitmen UTHM dalam menyokong pembangunan reka bentuk perabot mesra alam serta menyemarakkan kesedaran tentang penggunaan bertanggungjawab, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.

Majlis perasmian FEEDER 2025 yang diadakan pada 14 Januari 2025 telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad, Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh.

Pameran itu turut mendapat sokongan daripada wakil beberapa syarikat industri perabot, 50 pelajar dan 14 pensyarah dari Kolej Vokasional Batu Pahat dan Institut Kemahiran MARA Sungai Petani, pelajar UTHM serta komuniti sekitar.

Dr. Afandi dalam ucapannya berkata FEEDER 2025 menjadi satu platform yang sangat menarik dan mampu memberi impak yang tinggi.

"Saya berharap program ini dapat dikekalkan dan dianjurkan setiap tahun dengan penglibatan yang lebih menyeluruh daripada pelajar program perabot serta komuniti setempat.

"Penganjuran program seumpama ini diharapkan akan terus menjadi pemangkin kepada kemajuan bidang reka bentuk perabot tempatan dan antarabangsa.

"Dengan sokongan pelbagai pihak, FEEDER 2025 bukan sahaja berjaya memperkasakan pelajar UTHM, tetapi juga membuka ruang kerjasama yang lebih luas antara universiti, industri dan komuniti," kata Dr. Afandi.

Hadir sama ke pameran itu, Prof. Madya Ts. Dr. Azrin Hani Abdul Rashid, Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pembangunan & Penerbitan) Fakulti Teknologi Kejuruteraan; Ts. Farydatul Nazly Mohd Zin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan dan Komersial), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan Profesor Dr. Abdul Aziz Zalay @ Zali, Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang bertindak sebagai penilai serta penasihat Program Perabot FPTP.

Ts. Ahmad Anwar Safwan bin Sidek

Ketua Program Perabot
Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (Reka Bentuk dan Pembuatan Perabot),
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP)

Muhammad Hafiiz Yaziid Bin Rosli

Pengarah Program Feeder

Dr. Juliana Binti Abdul Halip

Ts. Inv. Abdullah Al Rashid Bin Ab Hamid
Penasihat Program Program Feeder





MyRIVET anjur kursus, bantu negara lahirkan pelajar Tahfiz TVET

BATU PAHAT - Bagi menyokong agenda negara dalam melahirkan golongan Tahfiz TVET, MyRIVET Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memulakan tahun baharu dengan menganjurkan kursus "AI Insight: Empowering Minds for Future - Ready Skills" bersama Pertubuhan Penggerak Hufaz Berkemahiran Selangor (Penggerak Hufaz) pada 15 Januari 2025 lalu.

Kursus yang melibatkan para pelajar tahfiz dari Maahad Pendidikan Tahfiz An-Nur dan Madrasah Al Muhsinin Sanawiyah Batu Pahat, Johor itu bertujuan melengkapkan pelajar sekolah tahfiz dengan kemahiran digital dan Artificial intelligence (AI) sebagai keperluan pekerjaan pada masa akan datang.

Kursus yang diselaraskan oleh Ketua Jabatan Latihan dan Pembangunan Kerjaya, MyRIVET, Prof. Madya Ts. Dr. Mimi Mohaffyza Mohamad itu turut dijayakan

oleh dua penceramah dari Pusat Pembelajaran Maya iaitu Dr. Mohd Zulfadli Rozali dan Hemmy Abd Jalal dari Pusat Pembelajaran Maya, UTHM.

Menurut Dr. Mimi, dalam kursus tersebut para peserta didedahkan dengan modul berkaitan asas Artificial Intelligence (AI) dan penggunaan AI dalam pencarian maklumat.

"Mereka turut diberi sijil penyertaan yang disampaikan oleh Pengarah MyRIVET, Prof Madya Dr. Badaruddin Ibrahim dan Setiausaha Penggerak Hufaz, Ts. Dr. Azreen Junaida Abd.Aziz," katanya.

Selesai program latihan tersebut, MyRIVET dan Penggerak Hufaz turut merancang untuk melaksanakan program-program pembangunan modal insan hufaz yang berkualiti pada masa akan datang.





Penubuhan Kelab Friends of PTTA, UTHM tingkat peranan perpustakaan sebagai hab komuniti dan inovasi

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) memulakan tahun 2025 dengan melancarkan penubuhan Kelab Friends of PTTA pada 1 Januari 2025 bertempat di Pantai Bukit Batu, Senggarang, Batu Pahat.

Kelab Friends of PTTA diwujudkan sebagai platform untuk memperluas peranan perpustakaan, bukan sahaja dalam kalangan mahasiswa tetapi juga kepada masyarakat umum, institusi pendidikan, industri dan juga organisasi tempatan.

Pelancaran kelab tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PTTA, Siti Afifah Che Ismail selaku wakil rasmi Ketua Pustakawan, dengan kehadiran lebih 50 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuklah pelajar, staf UTHM, badan bukan kerajaan (NGO) serta pemimpin komuniti tempatan.

Beliau dalam ucapannya berharap agar kelab itu dapat menjadi pemangkin hubungan yang lebih erat antara perpustakaan, mahasiswa dan masyarakat.

"Penubuhan kelab ini adalah langkah penting dalam memperkukuhkan peranan perpustakaan sebagai hab ilmu, kreativiti dan inovasi yang memberi impak positif kepada semua pihak," katanya.

Ahli Kelab Friends of PTTA akan berperanan sebagai duta kecil PTTA dalam menyebarkan ilmu, mempromosikan budaya membaca dan menggerakkan pelbagai aktiviti yang memberi manfaat bersama.

Sesi pelancaran tersebut turut diisi dengan aktiviti perkongsian ilmu dan pembersihan pantai (plogging) yang bertemakan 'Friends of PTTA: Misi



Bersih Pantai' sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) PTTA.

Para peserta plogging berjaya mengumpul sampah dan barangan yang boleh dikitar semula sebanyak 200 kilogram.

Aktiviti itu dilaksanakan dengan kerjasama SWM Environment Sdn. Bhd. dan Yayasan UTHM dan turut mendapat sokongan Pejabat Kampus Lestari, sekali gus menyumbang kepada usaha pemeliharaan alam sekitar.

"Pelaksanaan aktiviti CSR seumpama ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha menjadikan perpustakaan sebagai pusat kecemerlangan ilmu, budaya dan inovasi.

"PTTA akan terus komited dalam memastikan kelab ini terus berkembang sebagai medium strategik dalam memacu pembangunan ilmu, budaya dan kesedaran alam sekitar di peringkat tempatan dan global," tambah Siti Afifah.





Ziarah Santun PTA 5.0 prihatin kebajikan dan kesejahteraan pelajar tanpa asrama

BATU PAHAT – Bagi meneruskan usaha menjaga kebajikan dan kesejahteraan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), bersama Pusat Perumahan Pelajar (PRP) dan Kolej Kediaman Luar Kampus Parit Raja (KKLK) telah melaksanakan Program Ziarah Santun PTA 5.0 melibatkan pelajar tanpa asrama pada 7 Januari 2025 lalu.

Program ziarah yang diketuai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Ts. Dr. Abdul Rashid Abdul Razzaq itu turut disertai Pengarah Pusat Perumahan UTHM, Profesor Madya Ts. Dr. Abdul Halim Irwan Ibrahim bersama Pengetua, Timbalan-timbalan Pengetua, Felo, Pembantu Felo dan Majlis Kepimpinan Pelajar, Kolej Kediaman Luar Kampus (KKLK), UTHM.

Mereka telah menziarahi enam rumah pelajar tanpa asrama kategori B40 sekitar Parit Raja, Batu Pahat dan menyampaikan sedikit sumbangan daripada Pusat wakaf dan Endowmen UTHM dan PRP dengan kerjasama anggota kerja KKLK.

Menurut Prof. Abdul Rasid, program seumpama itu akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan para pelajar yang tinggal di luar kampus.

"Program ini juga memberi peluang kepada pihak HEPA untuk berjumpa dengan lebih dekat para pelajar dan mendengar apa jua isu dan permasalahan yang

dihadapi mereka sepanjang tinggal di luar kampus.


"Pihak kami sedia mendengar dan akan mempertimbangkan sebarang cadangan yang dikemukakan pelajar, disusuli dengan penambahbaikan untuk kesejahteraan bersama," katanya.

Beliau turut berharap aktiviti Ziarah Santun PTA itu dapat diteruskan secara berkala dan mampu membawa perubahan positif kepada pelajar tanpa asrama dan komuniti setempat sekali gus meningkatkan lagi kebersamaan antara UTHM dan Komuniti.





Terbitan Terkini



RESEARCH METHODOLOGY PRACTICAL LABS AND GUIDES

Dr. SHAZAITUL AZREEN BINTI RODZALAN

PROF. Dr. NOR HAZANA BINTI ABDULLAH

PROF. MADYA Dr. NOR AZIATI BINTI ABDUL HAMID

978-629-490-106-3

Research Methodology: Practical Labs and Guides is a thorough guide design to lead researchers through every phase of the research process, whether using quantitative or qualitative methods. It provides hands-on lab sheets and instructions for each research step, ensuring that researchers are well-equipped to plan, execute, and report their studies successfully. The book begins by introducing fundamental research concepts and differentiating between quantitative and qualitative methodologies, setting a strong foundation for the research journey. The book will guide researchers on selecting a research topic and effectively searching for relevant literature using Mendeley software. Next, the section on formulating a problem statement helps researchers refine and clarify their research problem, creating a clear focus for their inquiry. This book also includes labs on developing a literature review matrix (LR Matrix) to synthesize existing research, formulating focused research questions, and conceptualize and operationalize variables. In addition, it covers labs on designing surveys and interviews, as well as collecting data. Once data is collected, the book provides labs on analyzing and interpreting both quantitative and qualitative data. Finally, the section on reporting offers advice on effectively communicating research findings, including the appropriate structure and style for research reports.



BASIC MODELLING OF ARCHITECTURE

Ts. NUR FAEZAH BINTI YAHYA

Ts. MOHD SUFYAN BIN ABDULLAH

Ts. Dr. PENIEL ANG SOON ERN

Ir. Ts. Dr. MOHAMAD HAIRI BIN OSMAN

978-629-490-096-7

This book is a comprehensive guide designed for beginners exploring Autodesk Revit software in architectural modelling. It begins by explaining the Revit user interface, an essential aspect for users to familiarize themselves with the tool. It provides details on the software's organization and how to optimize efficiency. Subsequently, the book proceeds to modelling architecture, covering topics such as project creation, constructing elevation and gridlines, wall, and floor modelling, inserting doors and windows, constructing staircases, creating railings, ceilings, and roofs. Furthermore, this book guides users through inserting building components, creating sections, and generating construction documents complete with tagging, annotation, and scheduling features. At the end of this book, there are exercise questions that offer opportunities for practical application. In conclusion, this book offers hands-on learning experiences, empowering both students and beginners using Autodesk Revit Architecture to proficiently navigate Revit and produce detailed architectural models and documentation.

Terbitan Terkini



QUALITY CONTROL 1 INTRODUCTION TO QC TOOLS AND TECHNIQUES

PROF. MADYA Ts. Dr. MD FAUZI BIN AHMAD @ MOHAMAD

978-629-490-110-0

Welcome to the world of Quality Control - a journey into the heart of ensuring excellence in products and processes. This book delves into the fundamental principles, methodologies, and best practices that drive the pursuit of unparalleled quality across industries. Quality control is not just a process; it is a mindset that embodies the relentless pursuit of perfection. In today's competitive landscape, delivering high-quality products and services is no longer an option; it is a necessity. This book is designed to equip readers with a comprehensive understanding of quality control principles and how they can be applied to drive continuous improvement and achieve customer satisfaction. The primary aim of this book is to provide a valuable resource for students, professionals, and quality enthusiasts alike, seeking to deepen their knowledge and expertise in the realm of quality control. I hope this book inspires you to embrace the spirit of continuous improvement, to strive for excellence in all your endeavors, and to embrace the transformative power of quality control. Remember, quality control is not just a practice; it is a commitment to excellence - a commitment we make to ourselves, our customers, and the world at large.

Let the journey begin.

